

# Pelan bangunan baharu ambil kira kesan gempa

DE 3.12.2015

## Ricardo Unto

KOTA KINABALU: Kabinet Negeri telah meluluskan garis panduan untuk bangunan tahan gegaran gempa bumi di dalam atau dekat zon gempa kata Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Masidi Manjun.



Masidi

“Kerajaan Negeri menerusi satu mesyuarat Kabinet telah bersetuju bahawa semua pelan bangunan baharu di zon gempa bumi harus mengambil kira kesan gempa terhadap bangunan itu.

“Dan ini termasuk Kota Kinabalu. Jabatan Kerja Raya telah diarahkan untuk menyediakan input bermanfaat (terhadap perkara ini) pada masa hadapan. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) akan menjadikan ini aspek penting dalam meluluskan apa-apa pelan pembangunan,” kata Masidi ketika merasmikan Seminar Bencana Alam di sini, malam Selasa lepas.

Pada 18 November, dilaporkan bahawa penemuan daripada penyelidikan yang dijalankan oleh jawatankuasa yang dibentuk oleh DBKK terhadap garis panduan untuk bangunan tahan gegaran gempa bumi telah dihantar kepada Kabinet Negeri pada 4 November.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Seri Hajiji Noor dipetik sebagai berkata cadangan itu didapati boleh digunakan untuk dilaksanakan di kawasan DBKK dan kerajaan tempatan lain.

Satu garis panduan dan pendekatan holistik untuk bangunan di zon gempa bumi dilihat perlu terutamanya selepas gempa bumi pada 5 Jun.

Garis panduan itu, menurut Hajiji, akan mengambil kira pemeliharaan sensitiviti alam sekitar, fungsi, keselamatan dan aspek penting lain dan akan menjadi rujukan utama untuk pelan ruang pembangunan di negeri ini.

“Ia juga boleh meminimumkan kerosakan terhadap harta dan mengelakkan kehilangan nyawa,” kata Hajiji dalam laporan itu.

Bagaimanapun, Institut Arkitek

Malaysia (PAM), dalam satu laporan pada 1 Disember, menyatakan kebimbangan terhadap peningkatan kos bangunan dalam penggabungan langkah gempa bumi serius dalam bangunan di seluruh negeri tanpa justifikasi yang baik.

Dari segi kedudukan PAM Chapter Sabah, mereka percaya bahawa keselamatan awam adalah sama penting tetapi ia mesti tidak keterlaluan demi kelestarian, kata Pengerusi Jawatankuasa Seismos PAM, Arnold Kwan dalam laporan itu.

Masidi turut menggesa pakar dan ahli akademi agar mematahkan spekulasi tidak berasas oleh pihak tidak berkecualan terhadap ramalan gempa bumi di Sabah.

Beliau berkata spekulasi seperti itu hanya akan membawa kebimbangan dan ketakutan kepada rakyat.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata Seminar Bencana Alam selama dua hari itu dianjurkan oleh UMS dengan sokongan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Institut Geologi

Malaysia (IGM) dan Persatuan Geologi Malaysia (GSM).

Seminar itu disertai oleh 137 orang dari dalam dan luar negara dan 54 kertas kerja dibentangkan dan Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS turut menjalin kerjasama menerusi Surat Hasrat dengan Universiti Kao Yuan, Taiwan.

“Diharapkan seminar itu akan membuka tingkap kerjasama supaya kepakaran terhadap bencana alam boleh ditingkatkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempunyai pengetahuan yang lebih baik terhadap kuasa alam,” kata Mohd Harun.

Mohd Harun berkata seminar itu fokus terhadap isu bencana alam seperti tanah runtuh, banjir, hakisan, gempa bumi, taufan dan juga perubahan cuaca yang menjejaskan masyarakat dari segi ekonomi, alam sekitar, kesihatan dan keselamatan.

Turut hadir ialah Presiden IGM, Datuk Yunus Abdul Razak, Dekan Fakulti Sains dan Sumber Alam, Prof Dr Baba Musta, Ketua Pusat Kajian Bencana Alam, Prof Dr Kawi Bidin dan Pengerusi Seminar Bencana alam Dr Rodeano Roslee.